



## **Aplikasi Kaedah Darar Dalam Pelaksanaan Menghentikan Alat Bantuan Pernafasan Terhadap Pesakit COVID-19: Satu Sorotan Literatur**

**Fiqh  
Perubatan**

**35**

### ***Application of the Darar Method in the Implementation of Removing Respiratory Aid Devices From COVID-19 Patients: A Literature Review***

Submitted: 17 February 2023

Revised: 20 April 2023

Accepted: 26 October 2023

E-Published: 31 October 2023

MUHAMMAD SHABERI (Corresponding Author)

AHMAD MISBAH MOHAMAD HILMI

MUHAMAD ISMAIL ABDULLAH

ISMAIL OMAR

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

ABDUL HAKIM BAHARUDIN @ ISMAIL

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

muhammad\_shaberi@yahoo.com

ahmadmisbah@kuis.edu.my

muhamadismail@kuis.edu.my

ismailomar@kuis.edu.my

mohdrofaizal@kuis.edu.my

abdulhakim@kuis.edu.my

LUKMAN ABDUL MUTALIB

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

lukman@usim.edu.my

### **ABSTRAK**

Kewujudan alat bantuan pernafasan di hospital dan klinik adalah sangat penting. Tanpa alat bantuan ini, pesakit yang mengalami masalah pernafasan tidak dapat dibantu atau boleh menyebabkan kematian. Pemberian bantuan pernafasan telah menjadi lebih penting, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Sejak tahun lepas, fungsi alat ini sangat penting dalam mengurangkan kadar kematian pesakit. Justeru, perbuatan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit merupakan suatu perbuatan jenayah kerana perbuatan tersebut dapat memamatkan pesakit yang memerlukan kepada bantuan pernafasan itu. Namun begitu, ketika pandemik COVID-19 pegawai yang terlibat dalam merawat pesakit COVID-19 ketika itu perlu memilih dalam memberikan keutamaan untuk memberikan bantuan pernafasan terhadap pesakit oleh kerana kekurangan fasiliti. Hal ini secara zahirnya telah bercanggah dengan hukum syarak dan





undang-undang Malaysia yang telah mengharamkan perbuatan mematikan seseorang. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan konsep kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan bantuan pernafasan dan menganalisis kajian-kajian berkaitan dengan aplikasi kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pakai metod pengumpulan data melalui kajian perpustakaan serta analisis kandungan artikel-artikel yang menerangkan kajian berkaitan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah *darar* digunakan dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbuatan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19 juga adalah harus. Hal ini kerana wujudnya *darar* jika tidak dilaksanakan perkara tersebut terhadap pesakit COVID-19.

**Kata kunci:** Kaedah *Darar*, Bantuan Pernafasan, Pesakit COVID-19.

### ABSTRACT

The existence of respiratory aid devices in hospitals and clinics is very important. Without these devices, patients with respiratory problems cannot be helped or may die. Respiratory support has become more important, especially during the COVID-19 pandemic. Since last year, the function of this tool is very important in reducing the death rate of patients. Thus, the act of removing a patient's respiratory aid devices is a criminal act because the act may kill the patient who needs the respiratory aid devices. However, during the COVID-19 pandemic, officers involved in treating COVID-19 patients had to choose in giving priority to provide respiratory aid devices to patients due to the lack of facilities. This apparently contradicts the Islamic law and Malaysian law which prohibits the act of killing a person. Therefore, this study was carried out with the aim of explaining the concept of the *darar* method in the implementation of removing respiratory aid devices and analyzing studies related to the application of the *darar* method in the implementation of removing respiratory aid devices from COVID-19 patients. This study is a qualitative study by using data collection method through library research as well as content analysis of articles that describe studies related to the *darar* method in the implementation of removing respiratory aids devices from COVID-19 patients. The findings of the study show that the *darar* method is used in the implementation of removing respiratory aid devices from COVID-19 patients. In addition, the findings of the study also show that the act of removing respiratory aid devices from COVID-19 patients is permissible due to another risk if the act not implemented against the COVID-19 patient.

**Keywords:** *Darar* Method, Respiratory Aid Devices, COVID-19 Patients.

### PENGENALAN

Hadis nabi SAW "*la darar wa la dirar*" yang bermaksud 'Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat' adalah salah satu daripada lima kaedah fiqh yang utama dalam



kitab *al-Qawa'id al-Kulliyah al-Khams* karya imam al-Sayuti. Ia menjadi kaedah dasar dan bersifat umum yang dapat diaplikasi pada perkara *juz'ie* dalam pelbagai hukum fiqh terhadap perbuatan mukallaf.

Perkataan *darar* dalam kaedah tersebut bermaksud sesuatu yang bertentangan dengan manfaat (Ibn Manzur: t.t), manakala menurut istilah pula ia bermaksud melakukan kerosakan terhadap kemaslahatan yang disyariatkan sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain secara tidak benar, melampau atau cuai (Zaydan, 2001). Kajian Musfirah dan Azhan mengambil pandangan Ibn Manzur terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha mengenai maksud perkataan *dirar*. Terdapat fuqaha yang mengatakan maknanya sama seperti *darar* dan disebut dengan kedua-duanya dalam hadis dengan tujuan *ta'kid* (penguat), dan ada juga yang menyatakan terdapat perbezaan antara keduanya. Sebahagian ulama menyatakan yang dimaksudkan dengan '*darar*' ialah memberi mudarat kepada orang lain yang tidak memudaratkan kamu. Sedangkan yang dimaksudkan '*dirar*' ialah membalas orang yang memudaratkan kamu dengan hal yang tidak setara dan bukan untuk membela kebenaran. (Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan, 2021)

Justeru, kaedah fiqh ini menjelaskan bahawa semua jenis kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu wajib dihilangkan daripada terus berlaku. Wajib ke atas setiap individu menghilangkan mudarat terhadap dirinya, begitu juga tidak harus bagi individu tersebut menyebabkan mudarat kepada orang lain (Zaydan, 2001). Menurut al-Sayuti kemudaratan wajib dihilangkan sebelum berlakunya perkara tersebut, wajib juga dihilangkan ketika berlakunya perkara tersebut dengan menghilangkan mudarat tersebut, atau menyediakan alternatif lain bagi menggantikan mudarat dan menjatuhkan hukum kepada pelaku mudarat dengan hukuman yang sesuai (al-Sayuti, 1983). Menurut Zulfakar dan Muiz, contoh perlaksanaan kaedah ini adalah suntikan vaksin perlu diambil oleh bayi bagi mengelakkan mudarat ke atas bayi tersebut dan mudarat yang mungkin menimpa bayi lain kesan daripada bayi tersebut yang tidak mengambil vaksin (Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan, 2021).

Menurut Arina Heidyana (2023) kewujudan alat bantuan pernafasan di hospital dan klinik adalah sangat penting. Tanpa alat bantuan ini, pesakit yang mengalami masalah pernafasan tidak dapat dibantu atau boleh mati. Pemberian bantuan pernafasan telah menjadi lebih penting, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Sejak tahun lepas, fungsi alat ini sangat penting dalam mengurangkan kadar kematian pesakit. Menurut Aryanto & Adhyaksa Dwi Oktavian (2020) ventilator ialah alat yang boleh membantu pernafasan menggunakan tekanan negatif atau positif untuk menghasilkan udara terkawal dalam saluran pernafasan supaya pesakit dapat mengekalkan peredaran udara dan membekalkan oksigen untuk jangka masa yang lebih lama. Ventilator memiliki peranan penting dan sangat penting dalam dunia kesihatan kritikal, dimana peranannya sebagai pengganti fungsi pernafasan bagi pesakit yang mengalami gangguan fungsi pernafasan. Dalam kajian Betty Dina Lambok & Agina Putri Asyifa (2019) menyatakan bahawa peranti atau alat bantuan pernafasan melalui mulut (ventilator) hanya boleh dilakukan oleh petugas kesihatan



yang pakar. Pekerja kesihatan yang merupakan kakitangan perubatan atau pekerja kesihatan bukan perubatan juga boleh melakukannya.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Senario awal pandemik di Malaysia bermula tahun 2020 adalah luar jangkaan. Malaysia mula diserang wabak *novel coronavirus* atau juga dikenali sebagai COVID-19 pada tarikh 25 Januari 2020. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah (2020) pada tarikh tersebut sebanyak 4 orang telah disahkan positif COVID-19. Pada peringkat awal COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mampu menampung bilangan pesakit COVID-19 untuk dirawat di hospital. Namun, oleh kerana bilangan kes semakin meningkat dan dijangka akan menaik secara mendadak, pada bulan April 2020 KKM telah membuka pusat kuarantin di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) (Faris Danial Razi, 2020). Sepanjang pandemik betulkan cara citation COVID-19 KKM telah membuka banyak lagi pusat kuarantin dalam negara ini oleh kerana jumlah pesakit COVID-19 terlalu ramai. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah (2021) disebabkan bilangan pesakit yang terlalu ramai sehingga berlaku kesesakan di hospital dan pusat kuarantin yang sedia ada atas keperluan pihak KKM telah mempertimbangkan pelaksanaan kuarantin di rumah, asrama pekerja, atau hotel terpilih bagi kes-kes yang tidak bergejala atau tidak berisiko.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengkategorikan pesakit COVID-19 kepada lima tahap. Pesakit di tahap empat dan lima memerlukan alat bantuan pernafasan dan oksigen namun kuantitinya adalah terhad bagi menampung bilangan pesakit COVID-19 yang semakin meningkat. Senario pandemik bertambah kronik apabila kematian pesakit tahap 5 meningkat. Senario ketika itu pesakit tahap empat dan lima yang bertambah ramai sehingga ketidakcukupan alat bantuan di wad ICU. Manakala, senario pesakit yang sangat kritikal yang tiada harapan untuk sembuh menurut pakar perubatan diambil tindakan eutanasia bagi memberi ruang kepada pesakit yang masih mempunyai harapan untuk dibantu dengan peralatan. Tambahan pula, Tan Sri Muhyiddin Yassin (2021a), sistem kesihatan negara sudah menghadapi keadaan genting yang mana kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) di hospital Hospital Kuala Lumpur dan di Pusat Perubatan Universiti Malaya telah mencapai 100 peratus manakala di hospital Sungai Buloh pula telah mencapai 83 peratus. Di samping itu, menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin (2021b), "*Malaysia mencatatkan lebih 100 kes kematian setiap bulan bagi bulan Oktober hingga Disember 2020 berbanding dua hingga 59 kes kematian sebulan bagi bulan Mac hingga September 2020*". Selain itu, menurut Dr Kuljit Singh (2021a), kebanyakan hospital swasta tidak lagi mampu menerima pesakit COVID-19 terutama di Lembah Klang oleh kerana semua katil dan wad COVID-19 serta wad unit rawatan rapi (ICU) telah dipenuhi. Sebagai tambahan, menurut Dr Kuljit Singh (2021b) kes harian COVID-19 pada ketika itu telah mencecah 3,000 kes melepasi angka 2,000 kes sejak 15 April 2021.

Hasil dari temu bual pakar perubatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) pada 10 Mei 2022, pegawai perubatan telah mengambil keputusan untuk



menghentikan alat bantuan pernafasan kepada pesakit COVID-19 yang tidak dapat sembuh atau juga disebut rawatan yang sia-sia, oleh kerana kekurangan fasiliti. Menurut beliau, pegawai ketika itu terpaksa memilih untuk mengutamakan pesakit COVID-19 yang ada peluang untuk pulih. Timbul satu persoalan iaitu adakah hal ini tidak bercanggah dengan hukum syarak?

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan isu *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19. Adakah tindakan yang telah diambil ini sesuai dalam situasi pandemik yang sangat kritikal? Dan bagaimana pula sudut pandangan Islam?

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan.
2. Menganalisis kajian-kajian berkaitan dengan aplikasi kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.
3. Mencadangkan kajian baharu berkaitan pelaksanaan *eutanasia*.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif melibatkan analisis kandungan terhadap dokumen-dokumen bersifat primer dan sekunder terdiri dari jurnal dan artikel. Dokumen-dokumen tersebut akan diteliti, dinilai bagi melengkapkan data kajian sebelum membuat rumusan dan dapatan bagi mengenalpasti sebarang kelompokan di antara hasil kajian tersebut.

## KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN MENGHENTIKAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN

### Dalil Kaedah Darar

Kaedah ini berdasarkan tegahan Allah SWT yang melarang perbuatan yang memberi mudarat kepada diri dan orang lain berdasarkan al-Quran dan al-hadis nabi SAW. Dalil daripada al-Quran berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Apabila kamu menalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, maka rujuklah mereka dengan cara yang ma'ruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang ma'ruf (pula). Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudahan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka. Barang siapa berbuat demikian, maka sungguh ia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah sebagai permainan. Dan ingatlah nikmat Allah padamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepadamu iaitu al-Kitab (al-Qur'an) dan al-Hikmah (as-Sunnah). Allah memberi pengajaran kepadamu dengan apa yang diturunkan-Nya itu. Dan bertakwalah*



*kepada Allah serta ketahuilah bahawasanya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.*

(Al-Baqarah, 2: 231)

Menurut Ibn Kathir (t.t) berpendapat bahawa Allah SWT melarang suami rujuk isterinya yang ditalak bertujuan (berniat) untuk memberi kemudahan kerana ia adalah perbuatan zalim kepada isteri. Menurut Sabda Rasulullah s.a.w:

*'Daripada ibn 'Abbas r.a berkata: Sabda Rasulullah s.a.w: Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat'*

(Ibn Majah, no. 2431)

Hadis di atas nabi menegaskan bahawa tidak boleh sebarang tindakan yang boleh membawa kemudahan kepada diri dan orang lain. Hadis ini juga menjadi dasar kaedah fiqh yang membentuk pelbagai ungkapan yang berkaitan darurat dan mudarat. Prinsip Islam melarang daripada menyakiti dan membalas sesama saudara muslim dengan memudaratkan melalui ungkapan, perbuatan atau sebab yang lain tanpa hak, sama ada ia mempunyai manfaat atau tidak. Oleh itu perkara ini sangat berbahaya kerana lebih kepada kepentingan diri sendiri sahaja untuk mempunyai manfaat namun orang lain tidak mempunyai manfaat malah merugikan. Oleh itu hadis ini sangat bersesuaian untuk menjadi hujah bagi mengelak kemudahan serta memberi kepentingan kepada semua umat Islam dalam segala suruhan Allah SWT dalam apa jua keadaan.

### **Kaedah-Kaedah Pecahan Bagi Kaedah Darar**

Kaedah 'Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat' (*la darar wa la dirar*) adalah kaedah dasar, terdapat sejumlah kaedah yang berkaitan dengan kaedah ini. Antara kaedah pecahan yang utama adalah seperti berikut: (Ibnu Nujaim. t.t)

### **Kemudaratian Hendaklah Dihilangkan (Ad-Darar Yuzal)**

Menurut Syeikh Mustafa Al-Zarqa (2017) sesuatu kemudahan itu wajib dihilangkan atau disingkirkan. Kaedah ini berkaitan dengan kemudahan dari sudut larangan melakukannya dan kewajipan mencegah dan menyingkirkannya setelah ianya berlaku. Kaedah ini lahir antaranya daripada firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.*

(Al-A'raf, 7: 56)



### ***Menanggung Kemudaratan yang Khusus untuk Menolak Kemudaratan Yang Umum (Yahtamilu Al-Darar Al-Khas Lidaf'U Al-Darar Al-'Am)***

Jika bertembung antara perkara yang memberikan kemudaratan kepada umum dan kemudaratan khusus, maka dibolehkan untuk melakukan perkara yang membawa kepada kemudaratan khusus bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum. Mudarat umum melibatkan semua orang, sedangkan mudarat khusus melibatkan individu atau golongan kecil sahaja, maka dalam keadaan berlaku pertembungan antara mudarat umum dan mudarat khusus yang lebih rendah kedudukannya, maka mudarat umum perlu dihindari terlebih dahulu sekalipun terpaksa melakukan mudarat khusus (al-Nadawi, 1998). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah seperti seseorang yang menghidap penyakit yang mudah berjangkit akan dikenakan perintah kuarantin bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak kepada orang ramai.

### ***Menolak Kerosakan Lebih Utama Dari Mendatangkan Kebajikan (Dar Al-Mafasid Awla Min Jalb Al-Masalih)***

Kaedah ini bermaksud menolak mudarat adalah lebih didahulukan dari mendatangkan maslahat. 'Izz al-Din 'Abd al-Salam menyatakan di dalam kitabnya *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* bahawa dengan melakukan kaedah menolak kemudaratan ia sekaligus telah mencapai maksud mendatangkan maslahat itu sendiri. Ini kerana maslahat juga akan tercapai dengan menghilangkan mudarat sedia ada atau mencegah daripada berlakunya mudarat. Ini kerana Allah SWT lebih menekankan mencegah perkara yang dilarang terlebih dahulu berbanding melakukan perkara yang diperintahkan. Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah; Solat tanpa wuduk, menutup aurat dan menghadap kiblat. (al-Suyuti, 2016; Ibnu Nujaim, t.th.)

### ***Kemudaratan Dihindari Daripada Berlaku Mengikut Kadar Kemampuan (Al-Darar Yadfa'U Biqadaril Imkan)***

Kaedah ini bermaksud kemudaratan harus dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan. Oleh itu, segala usaha hendaklah dilakukan untuk membendung atau menyekat supaya tidak berlaku sesuatu kemudaratan. Ia juga terkait dalam bab menutup pintu kerosakan (*sadd al-zara'i*). Sekiranya tidak dapat menghindari kesemua mudarat maka wajib menghindari sekadar yang boleh berdasarkan kemampuan (Sadlan, 1417H). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah pemerintah boleh mengenakan sekatan kepada orang yang berhutang untuk bermusafir ke luar negara berdasarkan permintaan dari pemiutang atau wakilnya.

### ***Kesulitan Memberi Kemudahan (Al- Musyaqqotu Tajlib At-Taysir)***

Maksudnya adalah jika dalam melaksanakan ketentuan *syara'* mukallaf menghadapi suatu kesulitan dan kesempitan yang melebihi batas kemampuan yang wajar, maka kesulitan tersebut secara automatik mewujudkan ketentuan yang bersifat



meringankan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesulitan bagimu.*

(Al-Baqarah, 2: 185)

### ***Kemudharatan membolehkan hal-hal yang dilarang (Al-Dharurah Tubih Al-Mahzurah)***

Kaedah ini merupakan cabang dari kaedah *adh-dahrar yuzal*. Syarat bagi kaedah ini ialah tingkatan kemudharatan tidak lebih rendah dari yang dilarang, iaitu kepentingan tersebut sangat mendesak, seperti kelaparan. Adanya pencantuman kalimah (dengan syarat tingkatan kemudharatan tidak lebih rendah dari yang dilarang) menegaskan, tidak termasuk pengertian bolehnya memakan mayat seorang nabi bagi orang yang terpaksa karena kelaparan, karena darjat kehormatan seorang nabi lebih tinggi dibanding kepentingan bagi orang yang terpaksa (Dusuki Ibrahim, 2019).

### ***Sesuatu Bersifat Keperluan Mengambil Hukum Darurat Sama Ada Umum Atau Khusus (Al-Hajah Tunazzil Manzilah Al-Dharurah 'Ammah Kanat Aw Khashatan)***

Maksud kaedah ini ialah sesuatu yang bersifat keperluan (hajah) mengambil hukum darurat yang mengubah hukum asal sesuatu perbuatan. Sepertimana sesuatu perbuatan yang haram diharuskan pada situasi darurat bagi mengelakkan kemudharatan, begitu juga diharuskan bagi sesetengah situasi yang bersifat hajah. Hal ini sama ada keperluan itu bagi umum iaitu seluruh manusia atau khusus iaitu golongan-golongan yang tertentu. Walau bagaimanapun tidak semua keperluan tersebut boleh mengambil hukum darurat, maka hendaklah dipastikan ia menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh para ulama. Masalah-masalah yang berkaitan dengan kaedah ini, antaranya dibolehkan melakukan transaksi dalam bentuk *ijarah* (upah sewa, imbalan), *Ji'alah* (upah yang diberikan kepada orang yang menemukan barangnya yang hilang), dan *hiwalah* (pemindahan hutang). Hal ini kerana ia satu keperluan yang umum bagi manusia kepada akad tersebut dan sesuatu keperluan apabila ia merangkumi semua secara umum, maka hukumnya seperti darurat (*al-dharurah*) (al-Suyuti, 1990).

### ***Sesuatu Yang Dibolehkan Karena Darurat Dibatasi Kebolehannya Mengikut Ukuran Daruratnya (Ma Ubih Al-Dharar Tuqoddar Bi Qadariha)***

Maksudnya adalah, hal-hal yang dibolehkan kerana alasan darurat atau hajah tidak boleh melampaui batas keperluan menolak atau menghindarkan kemudharatan atau hajat itu sendiri. Di antara masalah-masalah yang berkaitan dengan kaedah ini adalah, orang yang terpaksa karena kelaparan hanya boleh memakan bangkai sekadar mencegah bahaya kematian, boleh mengambil tumbuhan orang lain sekadar untuk memberi makan haiwan dan tidak boleh mengambilnya untuk dijual, boleh mengambil makanan yang berada di daerah perang hanya sekadar keperluan.



### ***Kemudaratan Tidak Dihilangkan Dengan Kemudaratan Lainnya (Al-Darar La Yuzal Bi Al-Darar)***

Maksudnya adalah seseorang yang sedang menghadapi keadaan darurat tidak boleh menolak atau menghindarkan dirinya dari keadaan tersebut dengan cara menimbulkan kemudaratan bagi orang lain. Contoh aplikasi dalam kaedah ini adalah, orang yang kelaparan tidak boleh mengambil makanan orang lain yang juga kelaparan.

### ***Mengambil Tindakan Paling Ringan Mudarat (Irtikab Akhaff Al-Dararain)***

Kaedah ini selengkapnya adalah jika dua *mafsadat* (yang menimbulkan kerosakan) bertentangan maka dijaga yang paling besar *mafsadatnya* dengan melakukan yang lebih ringan *mafsadatnya*. Kaedah ini merupakan cabang dari kaedah *adh-dharar la yuzal bi adh-dharar* iaitu, jika salah satu dari kemudaratan lebih besar dari yang lain, maka yang boleh dilakukan adalah kemudaratan yang lebih ringan. Adapun contoh penerapan kaedah ini adalah syariat *qisas*, *hudud*, hukuman mati bagi pemberontak merupakan suatu hukuman yang disyariatkan berdasarkan pertimbangan segi berat ringannya kemudaratan yang ditimbulkan.

## **TINJAUAN KAJIAN LITERATUR BERKAITAN KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN MENGHENTIKAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN**

Menurut Nor Musfirah Mohamad, & Azhan Taqiyaddin Arizan (2021) kaedah fiqh 'tidak mudarat dan tidak boleh memberi mudarat' dan beberapa cabang kaedah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkait dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Ia mampu digarap sebagai penanda aras untuk penjagaan diri, masyarakat dan negara daripada ancaman virus ini. Walau bagaimanapun, kajiannya adalah bersifat umum dan tidak membincangkan *darar* dalam pelaksanaan eutanasia terhadap pesakit COVID-19.

Eka Fatimah Saktiana (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Konsep Darurat Dalam Hukum Islam: Kajian Terhadap Fatwa Mui Nomor 33 Tahun 2018 Tentang Penggunaan Vaksin Measles Rubella Untuk Imunisasi* menyatakan tinjauan darurat dalam fatwa tersebut telah sesuai dengan konsep darurat dalam hukum Islam, ia meraih manfaat dan menolak kemudaratan dalam rangka memelihara tujuan syara', dan merupakan tujuan dari penggunaan vaksin itu sendiri. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Zulfakar Mamat (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Aplikasi Kaedah Fiqh "La Darar Wa La Dirar" Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia* menyatakan kaedah fiqh "*la darar wa la dirar*" dan beberapa pecahan kaedah yang berada dibawahnya telah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkait dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Walau bagaimanapun,



kajiannya adalah bersifat umum dan tidak membincangkan *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Setiyawan Gunardi et al. (2020) dalam kajian mereka yang bertajuk *Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik Covid-19* menyatakan Fiqh Darurat secara konsepnya merupakan panduan dalam menyelesaikan isu-isu fiqh ketika penularan pandemik COVID-19 berlaku. Implikasi kajian secara aplikasi membuktikan bahawa isu-isu fiqh dapat ditangani dengan baik melalui Fiqh Darurat. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membincangkan kaedah *darur* dari sudut umum ketika pandemik dan tidak memfokuskan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Didi Mashudi et al. (2018) dalam kajian mereka iaitu *Analysis Of The Implementation Of Fikkyah Ad- Dhararu Yuzaal Principle For Investment Of Indonesian Hajj Funds* menyatakan tujuan kaedah fiqh *ad-dhararu yuzaal* ini adalah kewajipan untuk mengelakkan berlakunya bencana, atau dengan kata lain, kewajipan untuk membuat usaha pencegahan agar tidak ada bahaya, dengan segala usaha yang boleh dicuba. Kajian ini mendapati bahawa dana haji Indonesia yang paling selamat adalah melalui pelaburan sukuk. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya memfokuskan kaedah *darar* di dalam bab pelaburan dan tidak membincangkan isu *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Zanariah Dimon (2019) dalam kajiannya iaitu *Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia* menyatakan tekanan emosi atau mental adalah salah satu *darar* atau mudarat yang bertentangan dengan tujuan maqasid syariah iaitu pemeliharaan akal. *Darar* emosi boleh berlaku kepada isteri melalui penganiayaan secara fizikal dan mental oleh suaminya atau orang ketiga di dalam rumah tangga. Kajian ini mendapati bahawa undang-undang sivil mahupun undang-undang keluarga Islam di Malaysia telah memperuntukkan perlindungan dan penyelesaian dalam menangani *darar* emosi yang dihadapi oleh isteri. Walau bagaimanapun, kajiannya hanya membincangkan *darar* emosi dan tidak membincangkan *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Dalam kajian Andi Nur Afifah Ikrimah et al. (2020) yang bertajuk *Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih Al-Dararu La Yuzalu Bi Al-Darar* mereka mengkaji berkaitan eutanasia iaitu mematikan seseorang yang terlalu tua atau orang yang mempunyai penyakit yang tiada ubat untuk sembuh. Hasil penelitian dari kajian mereka yang pertama eutanasia bertentangan dengan kod etika doktor walaupun ia diamalkan di beberapa buah negara melalui prosedur dan syarat yang harus dipenuhi. Kedua mudarat harus dihilangkan akan tetapi tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan yang lain. Ketiga eutanasia terbahagi dua iaitu eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Eutanasia aktif ulama' bersepakat bahawa hukumnya haram, sedangkan eutanasia pasif terdapat perbezaan pandangan ulama'. Walau bagaimanapun, kajian mereka



tidak menyentuh isu *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Fadhlina Alias (2021) dalam kajiannya bertajuk *Menghentikan Rawatan Sokongan Hayat Pesakit Terminal: Implikasi Undang-Undang Kanun*, kematian dalam konteks penjagaan kesihatan moden bukanlah sesuatu yang jelas dan mudah untuk dipastikan. Penemuan farmakologi dan kemajuan teknologi berkaitan dengan rawatan sokongan hayat dan intervensi perubatan telah mengaburkan sempadan antara hidup dengan mati. Pesakit yang bergantung pada mesin sokongan hayat berupaya untuk hidup lebih lama, walaupun tidak lagi mempunyai rangsangan deria dan fungsi kognitif. Oleh yang demikian, keputusan pada akhir hayat banyak melibatkan dilema etika perundangan. Justeru, terdapat keperluan yang amat jelas untuk pembentukan kerangka undang-undang bagi mengawal selia penjagaan kesihatan di akhir hayat di Malaysia. Tujuannya untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengamal perubatan dan jaminan tentang kesahan tindakan mereka. Walaupun begitu, kajiannya tidak menyentuh isu *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Wanda Hayu Pralisindya (2022) dalam kajiannya berjudul *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Alat Bantu Pernapasan (Ventilator) Pada Pasien Kritis Covid-19 (Studi Kasus Rumah Sakit Pku Muhammadiyah Gamping)*, hukum penggunaan ventilator mekanikal adalah: (1) mustahab untuk berkemampuan, (a) kerana arahan kakitangan perubatan yang pakar dalam bidang dan pesakit mereka memenuhi syarat untuk dapat memasang ventilator iaitu; (seorang pesakit COVID-19 berada dalam keadaan kritikal yang memerlukan ia dipasangkan ventilator), (b) mempunyai alat pernafasan/ventilator, (c) mampu membayar kos alat pernafasan/ventilator, (d) pesakit mempunyai wakil keluarga yang sanggup dan membenarkan pesakit diletakkan di ventilator, (e) kewujudan kakitangan perubatan yang disahkan dan berpengalaman dalam memasang alat bantuan pernafasan atau pengudaraan mekanikal pada pesakit kritikal. (2) dibenarkan, jika tidak memenuhi lima syarat ini, iaitu jika salah satu syarat nombor 2,3, dan 4 tidak wujud. (3) makruh, jika banyak syarat ini tidak dipenuhi. Walaupun begitu, kajiannya tidak menfokuskan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Menurut Aryanto & Adhyaksa Dwi Oktavian (2020) dalam kajian mereka berjudul *Rancang Bangun Alat Bantu Pernapasan Ventilator Berbasis Wireless Sensor Network*, sistem pemantauan automasi ventilator masa nyata (*real time*) berdasarkan Rangkaian Penerima Tanpa Wayar (*Wireless Sensor Network*) boleh digunakan secara berterusan dalam masa nyata selama 5 hari dengan purata pernafasan per minit sebanyak 20 nafas per minit (manusia normal). Kajian mereka bertujuan menguji keberkesanan alat bantuan pernafasan yang telah dibangunkan dan tidak membincangkan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.



Menurut Betty Dina Lambok & Agina Putri Asyifa (2019) dalam kajian mereka iaitu *Pertanggungjawaban Hukum Tenaga Medis Dalam Tindakan Pemasangan Alat Pernafasan Lewat Mulut (Ventilator) Pada Pasien Di Rumah Sakit*, pemasangan peranti bantuan pernafasan melalui mulut (*ventilator*) hanya boleh dilakukan oleh petugas kesihatan yang pakar. Petugas kesihatan yang merupakan kakitangan perubatan atau petugas kesihatan bukan perubatan juga boleh melakukannya. Dalam satu kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Daerah Palembang, pemasangan ventilator dilakukan oleh doktor dan bukan oleh jururawat. Pemasangan alat pernafasan dijalankan oleh petugas kesihatan yang memenuhi keperluan dan telah menjalankan mengikut Prosedur Operasi Standard. Jadi walaupun pesakit meninggal dunia adalah satu kehilangan bagi keluarganya tetapi ia bukanlah satu tanggungjawab petugas kesihatan. Kajian mereka membincangkan dari sudut undang-undang berkaitan isu pemasangan alat bantuan pernafasan dan tidak membincangkan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Qonita Imma Irfani (2019) dalam kajiannya iaitu *Bantuan Hidup Dasar*, beliau membincangkan isu sokongan hayat asas iaitu aspek asas langkah menyelamatkan berkaitan dengan serangan jantung. Mereka yang terhenti degupan jantung hendaklah diberi bantuan awal agar fungsi jantung, paru-paru dan otak dapat dipertahankan dan dijaga dengan baik. Pengaliran darah ke otak dapat terpelihara sampai bantuan lanjut tiba. Dalam kajiannya ini menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil ketika jantung seseorang terhenti secara tiba-tiba. Kajian beliau ini secara rumusnya membincangkan berkaitan bantuan pernafasan yang diberikan jika jantung seseorang terhenti dan tidak membincangkan kaedah *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit COVID-19.

Amelia Lorensia & Rivan Virlando Suryadinata (2018) dalam dalam buku mereka iaitu *Panduan Lengkap Penggunaan Macam-macam Alat Inhaler Pada Gangguan Pernafasan*, menjelaskan cara menggunakan alat-alat yang digunakan bagi mengatasi masalah pernafasan seperti asma & penyakit pulmonari obstruktif kronik (PPOK). Alat-alat yang dimaksudkan adalah Inhaler, MDI (*Metered-Dose Inhaler*), Spacer, DPI (*Dry-Powder Inhaler*), Nebulizer, & Peak Flow Meter. Penyakit keadaan pernafasan seperti asma dan PPOK memerlukan rawatan jangka panjang dan rutin. Kebanyakan rawatan adalah melalui kaedah penyedutan pemberian ubat. Kajian penggunaan inhaler pada pesakit menunjukkan bahawa tidak ada instruksi yang memadai mengenai penggunaan inhaler dapat menyebabkan teknik penggunaan yang tidak tepat. Dalam suatu kajian klinikal, sebanyak 90% dari pesakit menunjukkan teknik yang salah dalam penggunaan *metered-dose inhaler* (MDI) dan *dry-powder inhaler* (DPI) seperti Diskus dan Turbuhaler. Oleh karena itu, pemahaman cara penggunaan inhaler perlu mendapatkan perhatian cukup penting dalam mencapai keberkesanan ubat yang optimum.

Murniati Noor et al. (2016) dalam kajian mereka yang berjudul *Penggunaan Nesting Dengan Fiksasi Mampu Menjaga Stabilitas Saturasi Oksigen, Frekuensi Pernafasan, Nadi Dan Suhu Pada Bayi Prematur Dengan Gawat Napas: Studi Kasus*, menjelaskan



penyelidikan yang dibuat itu adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimana nesting (tempat yang kecil untuk meletak bayi seperti bentuk sarang burung) dengan fiksasi (alat yang membantu mengekalkan kedudukan bayi) dilaksanakan dalam *development care* terhadap kestabilan ketepuan oksigen, kekerapan pernafasan, nadi dan suhu pada bayi pramatang dengan sesak nafas. Kaedah yang digunakan ialah kajian kes menggunakan 3 orang responden yang telah dirawat di bilik NICU perinatologi Hospital Arifin Ahmad Provinsi Riau yang dipilih menggunakan teknik tersebut persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria responden dalam kajian ini ialah bayi pramatang (<37 minggu), mengalami masalah pernafasan (skor turun 4 – 7), berat lahir rendah (<2500 gram), dan memakai alat pernafasan. Hasil pemerhatian selepas melaksanakan penggunaan nesting dengan fiksasi menunjukkan purata ketepuan oksigen ketiga-tiga responden tidak berbeza dan masih dalam had biasa iaitu antara (90-100%). Hasil pemerhatian kekerapan nadi, pernafasan dan penggunaan alat bantuan pernafasan serta kesan terhadap berat badan menunjukkan bahawa penggunaan nesting dengan fiksasi membantu meningkatkan berat badan dengan menstabilkan nadi dan frekuensi pernafasan, dan tempoh penggunaan bantuan pernafasan menjadi lebih pendek.

I Made Naradhyana et al. (2015) dalam kajiannya yang berjudul *Alat Pemantau Sistem Pernafasan Menggunakan Mikrokontroller Dan E-Health PCB*, menyatakan kadar pernafasan yang tidak normal dan perubahan dalam kadar pernafasan adalah salah satu penunjuk ketidakstabilan dalam keadaan fizikal seseorang, dan dalam banyak kes, kadar pernafasan adalah salah satu petunjuk awal ketidakstabilan ini. Oleh itu, adalah sangat penting untuk memantau kadar pernafasan sebagai penunjuk status pesakit. Penderita aliran udara boleh memberikan amaran awal hipoksemia (pengurangan tahap oksigen dalam darah) dan apnea (gangguan tidur dengan kesukaran bernafas). Hidung atau mulut adalah tempat alat pengesan aliran udara digunakan untuk mengukur kadar pernafasan pada pesakit yang memerlukan bantuan. Alat ini terdiri daripada sejenis benang fleksibel yang diletakkan di belakang telinga, dan bahagian lain terdiri daripada dua serampang yang diletakkan di dalam lubang hidung. Selain menggunakan sensor aliran udara dalam projek akhir ini, mereka juga menggunakan Arduino UNO sebagai mikropengawal yang lengkap dengan E-Health PCB dan mereka juga menggunakan Litar Bekalan Kuasa 5v dengan sumber voltan daripada 2 bateri 9v. Daripada keputusan eksperimen dapat disimpulkan bahawa peranti berfungsi dengan baik, seperti yang ditunjukkan oleh kehadiran penunjuk kesihatan pernafasan. Dalam keadaan normal untuk umur 6 tahun hingga dewasa dan penunjuk kesihatan pernafasan, keadaan bradypnea untuk tahap umur yang sama. Dengan purata peratusan kadar ralat dalam ujian sebanyak 3.662%.

Menurut Diana Christine Lalenh (2010) dalam kajiannya yang berjudul *Bantuan Ventilasi Pada Kegawatdaruratan*, resusitasi kardiopulmonari adalah tindakan bantuan yang dijalankan untuk mangsa yang mengalami sekatan pernafasan dan serangan jantung. Keadaan ini boleh disebabkan oleh mangsa yang mengalami serangan jantung, lemas, renjatan elektrik, keracunan, kemalangan dan sebagainya. Apabila pernafasan dan degupan jantung berhenti, peredaran darah dan pengangkutan oksigen terhenti, sehingga dalam masa yang singkat organ-organ badan,



terutamanya organ-organ penting, akan mengalami kekurangan oksigen, yang boleh membawa maut kepada mangsa dan menyebabkan kerosakan. Organ yang paling cepat mengalami kerosakan ialah otak, kerana otak hanya akan mampu bertahan jika ada pengambilan gula/glukosa dan oksigen. Jika otak tidak menerima oksigen dan glukosa lebih daripada 10 minit, otak akan mati secara kekal. Kematian otak juga bermaksud kematian mangsa. Oleh itu, tempoh emas (*golden time*) bagi mangsa yang mengalami henti nafas dan serangan jantung adalah di bawah 10 minit. Ini bermakna dalam masa kurang daripada 10 minit, penghidap yang mengalami serangan pernafasan dan jantung mesti mula mendapatkan bantuan. Jika tidak, maka jangka hayat mangsa adalah sangat kecil. Bantuan yang perlu diberikan kepada pesakit yang mengalami henti nafas dan serangan jantung adalah dengan melakukan resusitasi kardiopulmonari/ CPR. Sokongan Hidup Asas (*Basic Life Support*, disingkatkan BLS) adalah suatu tindakan pengendalian yang dilakukan dengan sesegera mungkin dan bertujuan untuk menghentikan proses yang menuju kematian. Langkah BLS iaitu memeriksa respon pesakit termasuk ada atau tidak ada nafas secara visual, buat panggilan kecemasan, Circulation (Mampatan dada dilakukan dalam satu kitaran 30 mampatan, kira-kira 18 saat), Airway (*Head Tilt, Chin Lift*), Breathing (memberikan ventilasi sebanyak 2 kali, Kompresi jantung + nafas buatan (30 : 2)), dan Defibrilasi.

## **ANALISIS TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN KAEDAH DARAR DALAM PELAKSANAAN MENGHENTIKAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN**

Hasil tinjauan literatur berkaitan *darar* dalam pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit *COVID-19* mendapati bahawa telah banyak kajian yang dilakukan dalam menegenahkan isu berkaitan hukum syarak, undang-undang, bantuan pernafasan dan alat bantuan pernafasan. Kajian-kajian tersebut boleh dirumuskan kepada beberapa isu utama bidang kajian ini iaitu kaedah *darar* dalam Islam, *darar* dari perspektif maqasid syariah, hukum penggunaan alat bantuan pernafasan, pemasangan alat bantuan pernafasan, kesan undang-undang menghentikan alat bantuan pernafasan, jenis-jenis alat bantuan pernafasan, kesan penggunaan alat bantuan pernafasan, dan cara memberikan bantuan pernafasan awal.

### **Kaedah Darar Dalam Islam**

Terdapat enam kajian berkaitan kaedah *darar* yang telah dilakukan berkaitan kajian yang sedang dijalankan iaitu Aplikasi Kaedah Fiqh 'Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat' (*La Darar Wa La Dirar*) Dalam Mendepani Isu Pandemik Covid-19 Di Malaysia; Konsep Darurat Dalam Hukum Islam: Kajian Terhadap Fatwa Mui Nomor 33 Tahun 2018 Tentang Penggunaan Vaksin Measles Rubella; Aplikasi Kaedah Fiqh "*La Darar Wa La Dirar*" Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik Covid-19; *Darar* Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia; *Analysis Of The Implementation Of Fikriyah Ad-Dhararu Yuzaal Principle For Investment Of Indonesian Hajj Funds*; dan Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih *Al-Dararu La Yuzalu Bi Al-Darar*. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa kaedah *darar*



banyak diaplikasikan dalam isu yang dihadapi dalam perbankan, perubatan, kekeluargaan dan banyak lagi.

### **Darar Dari Perspektif Maqasid Syariah**

Terdapat satu kajian berkaitan *darar* dari perspektif maqasid syariah yang dijumpai iaitu *Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia*. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa penilaian *darar* itu diambil dari sudut pandangan maqasid syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### **Hukum Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan**

Terdapat satu kajian berkaitan hukum penggunaan alat bantuan pernafasan yang dijumpai iaitu *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Alat Bantu Pernafasan (Ventilator) Pada Pasien Kritis Covid-19 (Studi Kasus Rumah Sakit Pku Muhammadiyah Gamping)*. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa hukum penggunaan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit adalah dibolehkan syarak dan tidak ada yang mengatakan hukum penggunaan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit adalah haram.

### **Pemasangan Alat Bantuan Pernafasan**

Terdapat satu kajian berkaitan pemasangan alat bantuan pernafasan yang dijumpai iaitu *Pertanggungjawaban Hukum Tenaga Medis Dalam Tindakan Pemasangan Alat Pernafasan Lewat Mulut (Ventilator) Pada Pasien Di Rumah Sakit*. Hasil penelitian menunjukkan bahawa pemasangan peranti/alat bantuan pernafasan melalui mulut (ventilator) hanya boleh dilakukan oleh petugas kesihatan yang pakar. Petugas kesihatan yang merupakan kakitangan perubatan atau petugas kesihatan bukan perubatan juga boleh melakukannya.

### **Kesan Undang-Undang Menghentikan Alat Bantuan Pernafasan**

Terdapat satu kajian berkaitan kesan undang-undang menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit yang dijumpai iaitu *Menghentikan Rawatan Sokongan Hayat Pesakit Terminal: Implikasi Undang-Undang Kanun*. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa kesan undang-undang menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit adalah tidak menyalahi undang-undang di Malaysia. Adalah tidak wajar tindakan menahan atau memberhentikan rawatan tersebut disifatkan sebagai jenayah yang boleh dihukum di bawah undang-undang Malaysia kerana tindakan tersebut tidak memenuhi elemen ketinggalan yang menyalahi undang-undang.



## **Jenis-Jenis Alat Bantuan Pernafasan**

Terdapat satu kajian berkaitan jenis-jenis alat bantuan pernafasan yang dijumpai iaitu kajian yang bertajuk Panduan Lengkap Penggunaan Macam-macam Alat Inhaler Pada Gangguan Pernafasan. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa terdapat pelbagai jenis alat bantuan pernafasan. Antaranya, Inhaler, MDI (*Metered-Dose Inhaler*), Spacer, DPI (*Dry-Powder Inhaler*), Nebulizer, & Peak Flow Meter.

## **Kesan Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan**

Terdapat empat kajian berkaitan kesan penggunaan alat bantuan pernafasan iaitu Rancang Bangun Alat Bantu Pernafasan Ventilator Berbasis *Wireless Sensor Network*; Penggunaan Nesting Dengan Fiksasi Mampu Menjaga Stabilitas Saturasi Oksigen, Frekuensi Pernafasan, Nadi Dan Suhu Pada Bayi Prematur Dengan Gawat Napas: Studi Kasus; Alat Pemantau Sistem Pernafasan Menggunakan Mikrokontroler Dan E-Health PCB; dan Bantuan Ventilasi Pada Kegawatdaruratan. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa penggunaan alat bantuan pernafasan banyak memberikan kesan yang positif kepada kesihatan pesakit.

## **Cara Memberikan Bantuan Pernafasan Awal**

Terdapat satu kajian berkaitan cara memberikan bantuan pernafasan awal yang telah ditemukan iaitu *Bantuan Hidup Dasar*. Hasil dari penelitian yang telah dilakukan bahawa degupan jantung yang terhenti hendaklah diberi bantuan awal agar fungsi jantung, paru-paru dan otak dapat dipertahankan dan dijaga dengan baik. Cara memberikan bantuan awal adalah dengan melakukan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat banyak kajian-kajian lepas berkaitan *darar* dan alat bantuan pernafasan. Namun sebaliknya bagi kajian berkaitan pelaksanaan menghentikan alat bantuan pernafasan. Justeru, artikel ini juga telah mencadangkan satu kajian lanjutan yang berpotensi untuk diterokai iaitu analisis *darar* dalam pelaksanaan keputusan di akhir hayat terhadap pesakit *COVID-19* oleh kerana tajuk ini begitu sinonim dengan keputusan pegawai perubatan sama ada ingin meneruskan atau menghentikan alat bantuan pernafasan tersebut berdasarkan garis panduan hukum syarak dan undang-undang di Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil kajian di bawah geran penyelidikan Projek FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/03/2 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.



## RUJUKAN

- Al-Nadawi, 'Ali Ahmad. (1998). *al-Qawa'id al- Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin al-Kamal. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Amelia Lorensia & Rivan Virlando Suryadinata (2018) *Panduan Lengkap Penggunaan Macam-macam Alat Inhaler Pada Gangguan Pernafasan*. M-Brothers Indonesia.
- Andi Nur Afifah Ikrimah, Kasman Bakry, Asnawati Patuti (2020) Eutanasia Dalam Perspektif Kaidah Fikih Al-Dararu La Yuzalu Bi Al-Darar. *Bustanal Fuqaha : Jurnal Bidang Hukum Islam*. Vol.1 No.4. Disember 2020. Hlm 692-708.
- Arina Heidyana (2023) *9 Jenis dan Fungsi Alat Bantu Pernapasan yang Sering Digunakan Medis*. <https://www.klikdokter.com/info-sehat/pernapasan/jenis-dan-fungsi-alat-bantu-pernapasan-yang-sering-digunakan-medis>.
- Aryanto & Adhyaksa Dwi Oktavian (2020) Rancang Bangun Alat Bantu Pernapasan Ventilator Berbasis Wireless Sensor Network. *Jurnal ICTEE*, Vol. 1, No. 1, 2020, Hlm11-14.
- Betty Dina Lambok & Agina Putri Asyiafa (2019) Pertanggungjawaban Hukum Tenaga Medis Dalam Tindakan Pemasangan Alat Pernapasan Lewat Mulut (Ventilator) Pada Pasien Di Rumah Sakit. *Syntax Literate: Jurnal Ilmiah Indonesia* Vol. 4, No. 12 Desember 2019. Hlm 74-86.
- Diana Christine Lalenoh (2010) *Bantuan Ventilasi Pada Kegawatdaruratan*. Simposium Kegawatdaruratan Medis & P2KB IDI Hotel Peninsula, 26 Januari 2010.
- Didi Mashudi, Mohamad Andri Ibrahim, Fadilah Ilahi (2018) Analysis Of The Implementation Of Fikhiyah Ad- Dhararu Yuzaal Principle For Investment Of Indonesian Hajj Funds. *Atlantis Press. : Advances In Social Science, Education And Humanities Research*, Volume 307. 1st Social And Humaniora Research Symposium (Sores 2018). Hlm 219-221.
- Duski Ibrahim (2019) *Al-Qawaid Al- Fiqhiyyah*, Palembang: CV. Amanah.
- Eka Fatimah Saktiana (2021) Konsep Darurat Dalam Hukum Islam: Kajian Terhadap Fatwa Mui Nomor 33 Tahun 2018 Tentang Penggunaan Vaksin Measles Rubella Untuk Imunisasi. Tesis Sarjana. Program Studi Perbandingan Mazhab Fakultas Syari'ah Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.
- Fadhlina Alias (2021) Menghentikan Rawatan Sokongan Hayat Pesakit Terminal: Implikasi Undang-Undang Kanun. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol. 33. No. 1. Hlm. 185-194.



- Faris Danial Razi, 2020. COVID-19: Kes dijangka mendadak, persiapan pusat kuarantin di MAEPS dijalankan. Astro AWANI. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-kes-dijangka-mendadak-persiapan-pusat-kuarantin-di-maeps-dijalankan-235746>. Diakses pada 01/12/2022.
- I Made Naradhyana, Unang Sunarya, & Sugondo Hadiyoso (2015) Alat Pemantau Sistem Pernafasan Menggunakan Mikrocontroller Dan E-Health PCB. *e-Proceeding of Applied Science*: Vol.1, No.1, Hlm 710.
- Ibn Kathir, Ismail (t.th). *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaym. t.th. *al-Asyabah wa al Nadhair*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Kuljit Singh. 2021a. Hospital swasta kekurangan katil untuk pesakit Covid-19. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/news/572657>. Diakses pada 30/11/2022.
- Kuljit Singh. 2021b. Hospital swasta kekurangan katil untuk pesakit Covid-19. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/news/572657>. Diakses pada 30/11/2022.
- Muiz, A (2020). Asas dan Fungsi al- Qawa'id al-Fiqhiyyah dalam Masalah Hukum Islam. *al-Afkar: Journal For Islamic Studies*, 3(1). Hlm 103-114.
- Murniati Noor, Oswati Hasanah, & Rumina Ginting (2016) Penggunaan Nesting Dengan Fiksasi Mampu Menjaga Stabilitas Saturasi Oksigen, Frekuensi Pernafasan, Nadi Dan Suhu Pada Bayi Prematur Dengan Gawat Napas: Studi Kasus. *Jurnal Ners Indonesia*, Vol.6, No.1
- Nor Musfirah Mohamad, Azhan Taqiyaddin Arizan (2021) Aplikasi Kaedah Fiqh 'Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat' (*La Darar Wa La Dirar*) Dalam Mendepani Isu Pandemik Covid-19 Di Malaysia. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 5(1) : Hlm 153-166.
- Qonita Imma Irfani (2019) *Bantuan Hidup Dasar*. CDK-277/ Vol. 46 No. 6, 2019. Hlm. 458-461.
- Sadlan, Salih bin Ghanim (1417H). *al-Qawaid al-Kulliyah al-Kubra wa ma Tafarra'* 'Anha. al-Riyadh: Dar Balansiah.
- Setiyawan Gunardi, Lukman Abdul Mutalib , Mohd Soberi Awang, Wan Abdul Fattah Wan Ismail , Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Siti Fatimah Salleh, Muhammad Hazim Ahmad (2020) Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik Covid-19. *Insla E-Proceedings* Vol 3 No.1, Hlm 566-574



- Suparmin, S (2013). *al-Qawa'id al-Fiqhiyah al-Khassah fil al-Ibadah wa Tatbiqatihah. al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3: Hlm 79-95.
- Syeikh Mustafa Al-Zarqa. (2017). *Syarah Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam.
- Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah. (2020). Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. <https://covid-19.moh.gov.my/terkini/012020/situasi-terkini-25-jan-2020/04%20KPK%2025012020.pdf>. Diakses pada 30/11/2022.
- Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah. (2021). Hospital, pusat kuarantin sesak, Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/covid-19/2021/01/hospital-pusat-kuarantin-sesak/>. Diakses pada 30/11/2022.
- Tan Sri Muhyiddin Yassin. (2021a). Fasiliti KKM tidak mampu tampung pesakit Covid-19. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/118573/KHAS/Covid-19/Fasiliti-KKM-tidak-mampu-tampung-pesakit-Covid-19>. Diakses pada 30/11/2022.
- Tan Sri Muhyiddin Yassin. (2021b). Fasiliti KKM tidak mampu tampung pesakit Covid-19. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/118573/KHAS/Covid-19/Fasiliti-KKM-tidak-mampu-tampung-pesakit-Covid-19>. Diakses pada 30/11/2022.
- Wanda Hayu Pralinsindya (2022) Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Alat Bantu Pernapasan (Ventilator) Pada Pasien Kritis COVID-19 (Studi Kasus Rumah Sakit PKU Muhammadiyah Gamping). Tesis Sarjana. Fakultas Ilmu Agama Islam Universitas Islam Indonesia.
- Zanariah Dimon (2019) *Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia*. *Journal of Muwafaqat*, Vol. 2, No. 1, 2019, Hlm 99-15.
- Zaydan, 'Abd al-Karim (2001). *al-Wajiz fi syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zulfaqar Mamat (2020) Aplikasi Kaedah Fiqh "La Darar Wa La Dirar" Dalam Isu Covid-19 Di Malaysia. *Insla E-Proceedings* Vol. 3, No.1, Hlm 331 - 339 October 2020.